



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 18/2009**

**Pembahagian Tugas dan Memproses Permohonan
Pembahagian Pusaka Kecil**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 18/2009**

Pembahagian Tugas dan Memproses Permohonan Pembahagian Pusaka Kecil

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menjelaskan cara menerima dan memproses permohonan pembahagian harta pusaka kecil berikutan penempatan Unit Pembahagian Pusaka yang tidak meliputi setiap daerah.

2. Cara menerima, mendaftar dan memproses permohonan

Bagi kemudahan orang ramai, pembahagian tugas menerima dan memproses pembahagian pusaka kecil adalah seperti berikut:-

2.1 Menerima permohonan

Bagi daerah di mana Unit Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian tidak ditempatkan, Pentadbir Tanah hendaklah menerima permohonan yang lengkap diisi dalam Borang 'A' berserta bayaran permohonan dan dokumen yang diperlukan seperti di bawah:-

- i. Bukti kematian;
- ii. Kad pengenalan pemohon;
- iii. Kad pengenalan waris atau sijil kelahiran (bagi waris yang berumur di bawah 12 tahun);
- iv. Bukti pemilikan harta - salinan hakmilik diakui sah oleh Pentadbir Tanah/carian rasmi atau salinan surat perjanjian jual beli jika harta tersebut masih belum mempunyai hakmilik dan salinan dokumen harta alih yang dituntut.

Setelah didaftarkan, fail permohonan tersebut hendaklah dikemukakan ke Unit Pembahagian Pusaka yang bertanggungjawab terhadap daerah berkenaan.

2.2 Memproses permohonan

Unit Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian yang menerima fail berkenaan hendaklah menguruskan permohonan tersebut sehingga selesai mengikut proses-proses kerja yang telah ditetapkan.

3. Perintah Pembahagian

Perintah pembahagian yang dikeluarkan dan setelah dikemukakan kepada Pendaftar/Pentadbir Tanah hendaklah didaftarkan mengikut subseksyen 348(1) Kanun Tanah Negara.

4. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 16/1974 dengan ini dibatalkan.



(DATO' ABD HALIM BIN AIN)
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

No. Fail: JKPTG/101/KPU/799 Jld. 4
Tarikh: 31 Disember 2009